

Headline	X-plorasi halal Beijing		
MediaTitle	Berita Minggu		
Date	01 Jul 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	297,950
Page No	K6	Readership	2,476,000
Language	Malay	ArticleSize	870 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 29,454
Frequency	Daily	PR Value	RM 88,363



X-plorasi halal Beijing

» **Kembara muslim menawarkan baucar pelancongan bernilai RM299**

Oleh Suzan Ahmad
suzan@bharian.com.my

Reputasi Masjid Niujie sebagai pusat ibadat orang Islam tertua di Xuanwu, Beijing China nyata tidak pernah gagal mengumpukan kunjungan pelancong dari seluruh dunia. Dibina lebih 1,000 tahun lalu, di era Dinasti Liao kehalusan, ketelitian, keindahan dan keunikan gabungan gaya seni bina klasik istana China dengan seni bina Arab menjadikannya destinasi wajib dikunjungi terutama dikalangan pelancong Muslim.

Mercu tanda yang mendapat penganugerahan gelaran 'Libaisi' atau masjid ketika Dinasti Ming (1474) terletak di wilayah utara China ini, dikatakan masjid tertua di Beijing yang dibina oleh Nasir al-Din, anak kepada pendakwah Arab, Sheikh Qiwan al-Din. Ia dinaik taraf oleh Maharaja Qing Kangxi yang memerintah China sekitar 1622 hingga 1722, membuktikan Islam diterima baik dan diiktiraf di negara kelahiran Laksamana Cheng Ho ketika itu.

Pernah ditutup selama 10 tahun ketika revolusi budaya, namun ia tidak sedikit pun menghalang dakwah Islam diteruskan. Masjid Niujie juga dikatakan menempatkan makam dua pendakwah Arab tersohor, Sheikh Imad al-Din yang meninggal dunia pada 1283 Masihi dan Sheikh Ahmad al-Bartani (1280).

Mereka berhijrah ke China untuk menyebarkan Islam dan bagi penduduk Muslim di Beijing, makam itu bukti jalinan dunia Islam dengan China yang bermula ribuan tahun dulu. Terdapat banyak tinggalan sejarah di masjid ini termasuk tembok dari era Dinasti Ming serta al-Quran tulisan tangan yang masih dipelihara dengan baik sejak lebih 300 tahun lalu.

Bagi anda yang terpenggil untuk ke Beijing, pelbagai pakej khas Muslim ke destinasi pelancongan ditawarkan agensi pelancongan dengan harga yang menarik dan sukar dilepaskan.

Terbaru, UC Travel (UCT) Koperasi Kedaibuku Universiti Malaya Berhad memperkenalkan program unik dipanggil X-Plorasi Halal Beijing (XpHB) yang dirangka bersama pihak berwajib China untuk memastikan lawatan masyarakat Muslim Malaysia dilaksanakan dengan lebih tertib dan teratur.

Program yang mendapat kerjasama Premier Aims Sdn Bhd (PASB) dan Beijing Youth Travel Service Co. Ltd. merangka bersama XpHB secara bersepadu dan tersusun bagi memastikan atur cara lawatan yang disediakan memenuhi kehendak masyarakat Muslim kedua-dua negara.

Menurut Pengurus UC Travel, Hasnan Abdul Malek setiap peserta program XpHB selama enam hari lima malam perlu membeli Baucar Pelancongan Bernilai RM299 setiap seorang yang merangkumi penginapan di hotel bertaraf empat bintang yang ditetapkan oleh UCT dan Beijing Youth Travel Service.

"Program yang dilancarkan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob 24 Mei lalu ini tidak seharusnya dilepaskan kerana ia ditawarkan pada harga yang sangat menarik dan berpatutan," katanya ketika ditemui *BH Ahad* baru-baru ini.

Antara lain baucar ini merangkumi lawatan ke 20 destinasi menarik di Beijing seperti yang dijadualkan UCT dan Beijing Youth Travel Service; sarapan pagi dan makan tengah hari (makanan halal) seperti yang dirangka UCT dan Beijing Youth Travel Service serta waktu dan tempat sembahyang yang akan diberikan keutamaan. Waktu sah perjalanan adalah 18 bulan selepas mendaftar di UCT.

Antara lokasi menarik yang termasuk dalam jadual XpHB ialah pertunjukan Beijing Kung Fu di Red Theatre; lawatan ke mercu tanda bersejarah medan Tian An Men dan Forbidden City diikuti ke Masjid Niujie, masjid tertua di Negeri China dengan sejarah lebih seribu tahun. Membeli belah di fresh Water Pearl Centre dan Urut Kaki di Chinese tradisional medicine centre.


Sebarang pertanyaan dan tempahan boleh hubungi talian khidmat pelanggan 03-79572612.



INFO

Masjid Niujie, Beijing

- © **Lebih 1,000 tahun:** Usia masjid ini sejak Dinasti Liao.
- © **966 Masihi:** Masjid Niujie dibina, menjadikan ia masjid tertua di Beijing.
- © **10 tahun:** Tempoh masjid ini ditutup ketika revolusi budaya komunis iaitu pada 1966 hingga 1976.
- © **300 tahun:** Al-Quran tulisan tangan yang masih disimpan dan dijaga di masjid ini.



Baucar UCT Travel

- © UCT Travel menawarkan baucar merangkumi lawatan 20 destinasi menarik di Beijing termasuk penginapan hotel empat bintang.
- © Satu baucar hanya untuk seorang.

© Baucar ini tidak termasuk tiket penerbangan dan kos mendapatkan visa ke China.

© Antara menarik yang ditawarkan dalam baucer ini ialah Dataran Medan Tian An Men, Kota Larangan (Forbidden City), Masjid

Niujie dan Tembok Besar China.

© Peserta juga dikenakan caj tambahan sebanyak RMB200 (RM100) mengikut kadar tukaran mata wang semasa.

© Yuran masuk ke tiga destinasi wajib RMB350 (RM175) mengikut kadar tukaran mata wang semasa juga akan dikenakan.

© Setiap kumpulan juga dihadkan minimum seramai 16 orang.

© Baucar tunai bernilai RMB600 semasa tiba di Beijing untuk tujuan membeli belah di lokasi menarik yang ditetapkan (tidak boleh ditukar dengan wang tunai).